

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7176

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah siri nombor kad pengenalan penduduk negeri Sabah diberi siri nombor selain dari 12, seperti 49 dan 13, walhal mereka ini dilahirkan di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kod negeri kelahiran dalam nombor kad pengenalan ditetapkan dan dijanakan secara automatik oleh sistem pengkomputeran Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Oleh itu, kod tersebut menunjukkan bahawa seseorang itu telah lahir di negeri tersebut dan tidak semestinya bermaksud berasal dari negeri yang berkenaan. Bagi negeri Sabah, kod negeri kelahiran yang diperuntukkan ialah 12, 47, 48 dan 49. Sehubungan dengan itu, mana-mana individu yang memiliki kod nombor seperti yang tersebut (12, 47, 48 dan 49) adalah disahkan lahir di negeri Sabah dan hal ini tidak terhad kepada nombor 12 sahaja. Negeri-negeri lain juga ada memperuntukkan kod negeri kelahiran lebih daripada satu kod seperti berikut:

BIL.	NEGERI	KOD NEGERI KELAHIRAN
1.	Johor	01, 21, 22, 23, 24
2.	Kedah	02, 25, 26, 27
3.	Kelantan	03, 28, 29
4.	Melaka	04, 30
5.	Negeri Sembilan	05, 31, 59
6.	Pahang	06, 32, 33
7.	Pulau Pinang	07, 34, 35
8.	Perak	08, 36, 37, 38, 39

BIL.	NEGERI	KOD NEGERI KELAHIRAN
9.	Perlis	09, 40
10.	Selangor	10, 41, 42, 43, 44
11.	Terengganu	11, 45, 46
12.	Sabah	12, 47, 48, 49
13.	Sarawak	13, 50, 51, 52, 53
14.	Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	14, 54, 55, 56, 57
15.	Wilayah Persekutuan (Labuan)	15, 58
16.	Wilayah Persekutuan (Putrajaya)	16
17.	Negeri Tidak Diketahui	82

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Perlu juga diperjelaskan bahawa individu yang memiliki kod negeri kelahiran 13 adalah merujuk kepada individu yang telah dilahirkan di negeri Sarawak; dan bukannya di negeri Sabah.